



Fadillah (tiga dari kiri) diiringi Michael (kanan) melihat pelan selepas melancarkan **Projek Menaik taraf Jalan Kuching-Serian** di pekarangan bangunan JPJ di Kuching, semalam.

[FOTO JEAKQLEYN YACHO/BH]

# Projek lebar laluan selesai jalan sesak

» Kerja naik taraf jalan empat lorong dua hala babit kos RM80j

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

■ Kuching

**K**esulitan pengguna Jalan Kuching-Serian yang terpaksa bersesak ketika melalui Kilometer (KM) 16 hingga KM 24 (Batu 10 hingga Batu 15) dijangka selesai menjelang pertengahan tahun 2017, apabila projek melebarkan laluan itu dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata projek bernilai hampir RM80 juta itu membabitkan jarak sepanjang 9.2 kilometer dengan menaik taraf laluan sedia ada iaitu jalan dua lorong kepada empat lorong untuk dua hala.

## Bina 4 jambatan baharu

Beliau berkata, projek itu turut membabitkan pembinaan empat jambatan baharu dan menggantikan satu jambatan lama serta menyediakan lima

kemudahan pusingan 'U'.

"Laluan dari Batu 15 hingga ke pekan Serian sudah dilebarkan kepada empat lorong pada 2005 manakala jajaran dari Batu 10 ke Batu 15, tidak terbabit dalam projek menaik taraf yang dilaksanakan 10 tahun lalu itu.

"Berikutan wujudnya *bottleneck* di Batu 15, kesesakan teruk berlaku pada waktu puncak dan ini menyebabkan ramai pengguna jalan raya merungut dan merayu laluan itu turut dilebarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Projek Menaik taraf Jalan Kuching-Serian di pekarangan bangunan

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan negeri, Datuk Seri Michael Manyin dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Abdul Razak Jaafar.

## Lancar aliran trafik

Fadillah berkata, empat jambatan akan dibina bagi memastikan kelancaran aliran trafik di Jalan Kuching-Serian iaitu di KM 7.2, KM 9.5, KM 11.2 dan KM 15.

Katanya, reka bentuk empat jambatan berkenaan sudah siap dan tender akan dibuka pada Mac atau April tahun depan bagi membolehkan projek dilaksanakan.

Mengenai projek Lebuhraya Pan Borneo, beliau berkata, jajaran permulaan sepanjang 44 kilometer dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun di Bintulu kini rancak dilaksanakan dan dijangka siap menjelang Oktober 2017.